



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 14 OKTOBER 2022**

| <b>BIL</b> | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>   | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>          |
|------------|---|--|
| 1.<br>2.   | DREBAR MENGAKU PINDAH 50 LEMBU DIDENDA RMB,000, LOKAL, HM -26<br>MENGAKU SALAH SELUDUP 50 EKOR LEMBU, NEGERI TERENGGANU, SH -29 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)           |
| 3.         | 2,275 PENJAJA DI MBSJ PERLUAS NIAGA DALAM PLATFORM DIGITAL NEGERI,<br>SELANGOR KINI -ONLINE                                     | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 4.<br>5.   | BANTU PENGGIAT SENI RANCAK PERNIAGAAN, BISNES, HM -33<br>AGROBANK SEDIA BANTU PENGGIAT SENI, NASIONAL, SH -23                   | AGROBANK                                       |
| 6.         | KAWAL BARANG KAWALAN MUSIM BAH, NEGARA, KOSMO -16   | LAIN-LAIN                                      |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



MANOGARAN (drt) bersama Mohd Shahihan (dua dari kanan) di pekarangan Mahkamah Majistret Besut, Kuala Terengganu.  
- Gambar NSTP/NURUL FATIHAH SULAIMI

## Drebar mengaku pindah 50 lembu didenda RM8,000

**Besut:** Seorang pemandu treler didenda RM8,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah memindahkan 50 lembu hidup tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Tertuduh, N Manogaran, 49, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Raja Norshuziana Shakila Raja Mamat.

Berdasarkan kertas pertuduhan, dia didakwa memindahkan 50 lembu menggunakan treler tanpa mendapat kebenaran bertulis Pengarah Veterinar Negeri atau mana-mana pihak berkuasa veterinar.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di tepi jalan Kampung Kuala Besut di sini, jam 12.20 pagi pada 6 Ogos lalu.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Perenggan i (b) Perintah Menteri Besar bagi kawalan penyakit kuku dan mulut dan hawar berdarah bagi negeri Terengganu yang diwartakan mengikut Subseksyen 36 (1) Akta Binatang 1953 dan jika sabit dengan kesalahan boleh dihukum me-

ngikut Subseksyen 36 (7) Akta Binatang 1953.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu, Mohd Shahihan Mohd Tahar manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Ketika prosiding, Manogaran memohon kepada mahkamah supaya dapat diringankan denda kerana perlu menyara anak yang masih belajar serta isterinya tidak bekerja.

Raja Norshuziana kemudian menetapkan hukuman denda sebanyak RM8,000 dan dipenjarakan enam bulan jika gagal membayar denda itu.

Mahkamah turut memerintahkan hasil jualan ternakan sebanyak RM63,310 dilucutkan hak dan wang hasil jualan ternakan menjadi hasil kerajaan.

Treler berkenaan dikembalikan kepada pemilik asal.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh ditahan ketika dalam perjalanan menghantar ternakan itu dari arah Kampung Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan melalui Kampung Pachakan, Besut menghala ke Terengganu.

14/10/2022

SINAR  
HARIANNEGERI  
TERENGGANU

29

# Mengaku salah seludup 50 ekor lembu

Manogaran didenda  
RM8,000 oleh Mahkamah  
Majistret Besut

Oleh **NORHASPIDA YATIM**  
**BESUT**

**S**eorang pemandu lori didenda RM8,000 oleh Mahkamah Majistret di sini pada Khamis selepas mengaku salah menyeludup 50 ekor lembu menggunakan treler dalam kejadian pada Ogos lalu.

Tertuduh, N Manogaran, 49, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Majistret Raja Norshuziana Shakila Raja Mamat. Berdasarkan pertuduhan, Manogaran didakwa melakukan kesalahan itu di tepi jalan di Kampung Kuala Besut pada jam 12.20 tengah malam, 6 Ogos lalu.

Tertuduh didakwa memindahkan 50 ekor lembu menggunakan treler tanpa kebenaran bertulis yang sah daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar

Terengganu atau mana-mana pihak berkuasa veterinar yang diberi kuasa.

Dengan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut perenggan (b) Perintah Menteri Besar bagi Kawalan Penyakit Kuku Dan Mulut Dan Hawar Berdarah bagi Negeri Terengganu (Tr. P. U. 10) yang mana diwartakan di bawah Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

Jika sabit kesalahan tertuduh boleh dihukum di bawah Subseksyen 36(7) akta yang sama yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM15,000.

Raja Norshuziana, Shakila kemudian menetapkan hukuman penjara enam bulan jika Manogaran gagal membayar denda itu manakala hasil jualan ternakan sebanyak RM63,310 dilucutkan hak.

Sementara itu, di mahkamah sama seorang lelaki berusia 19 tahun didenda RM10,000-selepas mengaku salah memindahkan tiga ekor lembu menggunakan kenderaan pacuan empat roda pada Ogos lalu.

Tertuduh, Tuan Ahmad Azir Tuan Hussain, 19, didapati memindahkan tiga ekor lembu menggunakan kenderaan pacuan empat roda di tepi jalan di Kampung Padang Landak, Jerih, di sini



Manogaran (kiri) mengaku salah atas dakwaan menyeludup 50 ekor lembu menggunakan treler pada Ogos lalu.

pada jam 10.50 malam, 15 Ogos lalu. Mahkamah memerintahkan tertuduh dikenakan denda RM10,000 atau penjara 10 bulan jika gagal membayar denda manakala hasil jualan ternakan sebanyak RM3,880 dilucutkan hak.

Difahamkan, kesalahan difakukan tertuduh adalah kesalahan berulang buat kali kedua. Kes berkenaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu, Mohd Shahihan Mohd Tahar manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

| TARIKH     | MEDIA            | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|------------------|---------|------------|
| 14/10/2022 | SELANGOR<br>KINI | ONLINE  |            |

## 2,275 penjaja di MBSJ perluas niaga dalam platform digital negeri



Sanggaumang dan isterinya Masni anak Rimau menyertai Platform Selangor (PLATS) bagi meluaskan lagi rangkaian perniagaan mereka secara digital pada program 'Walkabout' PLATS ke Pasar Budaya Borneo Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) di Seri Kembangan, Subang Jaya pada 20 Ogos 2022. Foto AHMAD ZAKKI JILAN/SELANGORKINI

SUBANG JAYA, 13 OKT: Seramai 2,275 penjaja dan peniaga kecil bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) berdaftar dengan

Platform Selangor (Plats) setakat akhir bulan lalu.

Datuk Bandarnya Dato' Johary Anuar berkata jumlah itu hampir memenuhi sasaran 3,000 peniaga menjelang akhir tahun untuk membantu mereka meluaskan rangkaian perniagaan.

"Jadi kita menyeru kepada semua peniaga supaya jangan melepaskan peluang untuk memasarkan perniagaan melalui Plats kerana ia percuma.

"Selain memberi peluang kepada peniaga meluaskan rangkaian perniagaan, penyertaan dalam Plats juga membantu pemain industri mempromosi produk digital yang dibangunkan," katanya ditemui selepas melancarkan latihan pembangunan usahawan mikro di sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Datuk Bandar MBSJ Mohd Zulkurnain Che Ali dan Pengurus Jabatan Digitalisasi Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Siti Nur Hazwani Md Sabudin.

Antara program dijalankan sejak Januari ialah program pendigitalan bazar Ramadan Bandar Kinrara 5, perasmian Plats 3.0, program pendigitalan medan selera di USJ1 dan jejak peniaga.

Turut diadakan program pendigitalan Pasar Tani Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan jelajah Plats bersama Rakan Digital Selangor.

Plats diperkenal dua tahun lalu bagi melengkapkan ekosistem agenda pendigitalan Selangor susulan penularan Covid-19 dan ditambah baik bagi memastikan peniaga menjana pendapatan sepanjang masa.

# Bantu penggiat seni rancak perniagaan

*Ambank tawar inisiatif, pembiayaan tingkat daya saing bisnes*

Kuala Lumpur

**A**grobank sedia membantu penggiat seni untuk merencanakan lagi perniagaan mereka menerusi pelbagai penawaran produk pembiayaan dan perkhidmatan yang menarik termasuklah sesi perkongsian ilmu tadbir urus perniagaan dan kewangan, penyediaan kertas kerja perniagaan serta penjenamaan produk bagi merencanakan lagi perniagaan sedia ada mereka.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, Agrobank amat berbesar hati untuk turut sama membantu penggiat seni tanah air merencanakan lagi perniagaan mereka dengan pelbagai program pembiayaan dan inisiatif yang bersesuaian dan menarik, sekali gus merencanakan lagi sektor pertanian dan agromakanan negara.

"Melalui sesi taklimat bersama Agrobank yang berlangsung selama hampir tiga jam ini, dapat saya simpulkan bahawa para penggiat seni tanah air yang hadir ke sesi kali ini berada di landasan yang betul dan mempunyai prospek perniagaan yang berpotensi besar dan berdaya maju untuk diketengahkan.

"Oleh yang demikian, saya



TENGGU Ahmad Badli Shah (kanan) pada sesi taklimat kepada penggiat seni.

percaya dengan memberikan mereka maklumat yang jelas dan terperinci mengenai kemudahan dana dan pembiayaan serta perkhidmatan yang disediakan oleh Agrobank, ia dapat membantu mereka membuat pilihan yang tepat untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kebolehpasaran perniagaan mereka," katanya dalam kenyataan.

Kira-kira 30 penggiat seni yang terdiri daripada pelakon, penyanyi, pelawak dan pengacara telah hadir

ke sesi taklimat Agrobank yang dikendalikan oleh Ketua Jabatan Pusat Kecemerlangan Agrobank (ACE), Rosli Jusoh dan Pengurus Cawangan Kuala Lumpur Agrobank, Mohd Haizan Mohd

Aziz, yang membincangkan permasalahan yang sedang dihadapi mereka dalam menjalankan perniagaan mereka dan sekali gus memperkenalkan produk dan perkhidmatan Agrobank yang bersesuaian yang boleh ditawarkan kepada

penggiat seni ini.

Berkongsi pendapat dan harapan para penggiat seni menerusi taklimat ini, Anne Abdullah berkata, bagi pihak penggiat seni, pihaknya amat berbesar hati apabila dijemput oleh pihak Agrobank untuk hadir ke sesi taklimat ini dan ia sekali gus mengubah persepsi mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Agrobank.

"Produk pembiayaan ditawarkan Agrobank tidak terhad kepada aktiviti pertanian semata, malah ia merangkumi keseluruhan rantai agromakanan, termasuklah aktiviti hiliran dan huluhan," katanya.

**“  
Penggiat seni  
yang hadir ke sesi  
kali ini berada  
di landasan yang  
betul**

Tengku Ahmad  
Badli Shah

# Agrobank sedia bantu penggiat seni

Tawarkan pelbagai produk pembiayaan dan perkhidmatan untuk rancakkan perniagaan

Oleh **NORSHAHZURA MAT ZUKI**  
KUALA LUMPUR

**A**grobank bersedia untuk membantu penggiat seni tanah air merancakkan lagi perniagaan mereka menerusi pelbagai penawaran produk pembiayaan dan perkhidmatannya.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, ia termasuklah sesi perkongsian ilmu tadbir urus perniagaan dan kewangan serta penyediaan kertas kerja dan penjenamaan produk.

Menurutnya, dengan memberikan mereka maklumat yang jelas dan terperinci mengenai kemudahan dana serta pembiayaan dan perkhidmatan yang

disediakan oleh Agrobank, ia akan dapat membantu penggiat seni membuat pilihan tepat bagi meningkatkan lagi keupayaan dan kebolehpasaran perniagaan mereka.

"Pihak Agrobank berbesar hati membantu golongan penggiat seni tanah air untuk turut sama merancakkan lagi perniagaan dengan pelbagai program pembiayaan dan inisiatif yang bersesuaian serta menarik.

"Ia sekali gus dapat merancakkan lagi sektor pertanian dan juga agromakanan negara," katanya dalam satu kenyataan.

Seramai 30 penggiat seni terdiri daripada pelakon, penyanyi, pelawak dan pengacara, antaranya Anne Abdullah, Abon, Kuna, Kuza, Ayu Damit, Nadia Mustafar, Laila Nasir serta Ezlynn telah hadir dalam satu sesi taklimat Agrobank yang diadakan di Kuala Lumpur pada Selasa.

Sesi taklimat tersebut dikendalikan oleh Ketua Jabatan Pusat Kecemerlangan Agrobank (ACE), Rosli Jusoh dan Pengurus Cawangan Kuala Lumpur Agrobank, Mohd Halzan Mohd Aziz yang membincangkan mengenai masalah



Abon (kiri) dan Tengku Ahmad Badli Shah bertukar-tukar pandangan pada sesi taklimat Agrobank bersama penggiat seni di Kuala Lumpur pada Selasa.

yang sedang dihadapi oleh penggiat seni dalam menjalankan perniagaan.

Hadir sama ialah Ketua Pegawai Kewangan Agrobank, Kamarul Azman Kamarozaman serta Naib Presiden Kanan, Pemasaran dan Komunikasi Agrobank, Rosdi Effendi Mohammed Effendi.

Sementara itu, Anne Abdullah berkata, menerusi program Pemulih NewBiz yang ditawarkan oleh Agrobank, ia dapat

membantu penggiat seni yang ingin memulakan perniagaan berasaskan pertanian dan agromakanan.

"Agrobank menawarkan modal permulaan sebanyak RM5,000 pada tahun pertama dan RM10,000 pada tahun kedua dengan kadar keuntungan yang rendah.

"Ia termasuklah kemudahan moratorium bagi tempoh enam bulan pertama pembiayaan," tambah Anne.

Cake desak kerajaan menangani isu kekurangan barang keperluan harian

# Kawal barang kawalan musim bah

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**ALOR SETAR** – Persatuan Pengguna Kedah (Cape) mahu pihak berwajib bertindak segera dalam menangani isu kekurangan bekalan keperluan harian terutama barang kawalan sebelum masalah itu menjadi lebih serius pada musim tengkujuh nanti.

Presidennya, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, tindakan agresif perlu dilakukan bagi mengelak bekalan terputus dan kenaikan harga barangan sekitarnya berlaku banjir.

Katanya, Cape menerima banyak rungutan pengguna sejak dua minggu lalu berkaitan kekurangan bekalan di pasaran terutama telur ayam dan minyak masak peket selain kenaikan harga bagi barangan tertentu.

"Pengguna mendakwa sukar untuk mendapatkan bekalan telur dan kita kemudian bertindak turun sendiri untuk bertemu dengan peniaga.

"Peniaga mendakwa berlaku pemotongan kuota telur oleh pemborong kepada peruncit.



**HARGA ayam standard didakwa naik tiga kali di Pulau Pinang pada bulan ini.**

Bekalan telur di Pasar Besar Alor Setar sebelum ini adalah kira-kira 500 biji sehari, namun ia dipotong separuh selain dikenai kos penghantaran," katanya selepas membuat tinjauan beka-

lan barangan keperluan di Pasar Besar Alor Setar, di sini semalam. Ujarnya, pihaknya juga tidak melihat masalah logistik menjadi punca utama bekalan telur ayam berkurangan seperti dinyatakan

sebelum ini.

"Selain telur, kita juga masih berhadapan dengan kekurangan bekalan minyak masak peket dengan sesetengah premis sudah tiada bekalan," ujarnya.



**KERATAN Kosmo/ semalam.**

Menurut Mohamad Yusrizal, tinjauan juga mendapati berlaku kenaikan harga barangan seperti ikan kembung yang dijual sehingga antara RM15 hingga RM20 selokogram berbanding kira-kira RM10 sebelum ini kerana kekurangan bekalan disebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut disebabkan cuaca tidak menentu.

Kosmo/ sebelum ini melaporkan an harga ikan kembung dan ayam standard naik mendadak sejak bulan ini.

Selain itu telur ayam juga semakin sukar dan kehabisan stok di pasaran.